

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(IV)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

21. Apakah pelan tindakan dalam memastikan penganjuran World Congress On Information Technology pada September 2020 mendapat sambutan dari dalam dan luar negara?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. Kongres Dunia Teknologi Maklumat (*World Congress on Information Technology – WCIT*) merupakan acara antarabangsa yang terkenal di kalangan pemimpin IT di peringkat global. Dikenali sebagai sukan Olimpik dalam dunia industri teknologi maklumat, ianya dimiliki oleh *World Information Technology and Services Alliances (WITSA)* iaitu Konsortium Persatuan yang dianggotai lebih daripada 80 buah negara. Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia atau PIKOM merupakan ahli WITSA yang berjaya dalam bidaan untuk menganjurkan WCIT kali ke-2 di Malaysia melalui undian ahli-ahli WITSA.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaku penganjur bersama pihak PIKOM dan *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* serta InvestPenang sebagai *lead agency* bagi penganjuran persidangan WCIT 2020 sehingga kini terus berusaha dalam memastikan penganjuran WCIT 2020 mendapat sambutan dari dalam dan luar negara.

Justeru itu, beberapa langkah telah dan bakal dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang terlibat berjaya mencapai sasaran penyertaan 4,000 peserta perwakilan termasuk ketua-ketua industri, pemimpin kerajaan dan ahli akademik dari lebih 80 buah negara dan seterusnya berjaya memanfaatkan kelebihan

Pulau Pinang sebagai tuan rumah WCIT pada bulan September 2020 antaranya ialah:-

- (i) Menubuhkan Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang dan dianggotai oleh Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan, Perancangan Bandar & Desa, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Pengerusi Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Elwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan & Kesenian; agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti MDEC, PIKOM, Bank Negara, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti InvestPenang, Penang Global Tourism, Penang Development Corporation (PDC), *Penang Convention & Exhibition Bureau* (PCEB), Penang Institute, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai, beberapa wakil daripada Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) dan wakil WCIT 2020 Sdn Bhd - selaku agensi pelaksana. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk merangka, menyelaras dan memantau pelaksanaan WCIT 2020 dan penglibatan semua agensi ini adalah penting bagi memastikan penyampaian maklumat dan tindakan dapat diselaraskan;
- (ii) Pihak Kerajaan Negeri juga sedang giat mempromosikan WCIT melalui media cetak dan elektronik, seperti laman sesawang Kerajaan Negeri dan agensi-agensi terlibat termasuklah melalui media sosial, kempen pengiklanan melalui program-program Kerajaan Negeri dan sebagainya. Melalui platform ini, pemasaran WCIT tidak hanya terhad untuk pasaran domestik, malah ianya juga boleh dicapai oleh sasaran penyertaan dari luar negara;
- (iii) Bagi mendapat sokongan penglibatan wakil-wakil di peringkat antarabangsa, PIKOM selaku ahli WITSA sedang dalam usaha menjalinkan kerjasama dengan wakil-wakil konsortium yang terdiri daripada 80 buah negara, terutamanya negara-negara Asia dan Asia

Tenggara seperti Taiwan, Singapura, Vietnam, China, Jepun, Hong Kong, Korea dan sebagainya;

- (iv) Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedang dalam perancangan pelaksanaan program-program atau inisiatif baharu dengan kerjasama syarikat-syarikat swasta dan Kerajaan Persekutuan khususnya bagi memperkenalkan teknologi baharu seperti 5G, *cashless society*, *smart city initiative* dan sebagainya; dan
- (v) Sesi hebahan kepada semua Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pemain-pemain industri terutamanya syarikat multinasional di Pulau Pinang, ahli akademik, badan-badan antarabangsa juga telah dilaksanakan. Selain itu, sesi jelajah atau *South East Asia Roadshow* ke negara-negara terutamanya Singapura, Taiwan dan China juga akan dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sesi jelajah ke luar negara telah ditangguhkan buat masa ini dan tumpuan diberikan pada promosi melibatkan *platform digital*.